

## Pupuk perpaduan bersama warga emas

**Kuala Lumpur:** Bagi memantapkan lagi sikap perpaduan, toleransi dan hormat menghormati dalam kalangan rakyat di negara ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPNIN) mengadakan Majlis Toleransi Agama Bersama Warga Emas.

Program yang diadakan bersempena sambutan Hari Keharmonian Nasional itu diadakan di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), di sini, semalam.

Timbalan Pengarah JPNIN, Zulkhairi Zainal berkata, penerimaan masyarakat mengenai perkara ini masih lagi



**Sikap perpaduan antara kaum di negara ini sememangnya sangat penting dalam pembentukan negara”**

**Zulkhairi**

berada pada tahap yang tidak memuaskan.

“Sikap perpaduan antara kaum di negara ini sememangnya sangat penting dalam pembentukan negara.

“Oleh itu masyarakat sepatutnya mengamalkan sikap ini dalam kehidupan seharian bagi memberikan

impak positif kepada negara,” katanya yang ditemui selepas program itu.

Kata Zulkhairi, program selama empat jam memfokuskan golongan warga emas di sekitar kawasan perumahan di kawasan itu.

“Pada kali ini, kami cuba menyampaikan mesej kepada warga emas betapa pentingnya perpaduan, toleransi dan juga hormat menghormati antara kaum di negara ini,” katanya.

Sementara itu, warga emas yang menyertai program itu, Zahimah Aziz, 60, berkata, melalui program ini mereka semua dapat mengeratkan hubungan.